

**SULIT**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**JABATAN PERDAGANGAN**

**PENILAIAN ALTERNATIF**

**SESI DISEMBER 2020**

**DPB30083 : BUSINESS ETHICS**

---

**NAMA PENYELARAS KURSUS : HASNI BINTI HASHIM**

**KAEDAH PENILAIAN : PEPERIKSAAN ONLINE**

**JENIS PENILAIAN : SOALAN OBJEKTIF (10 SOALAN)  
SOALAN ESEI (1 SOALAN)**

**TARIKH PENILAIAN : 5 JULAI 2021**

**TEMPOH PENILAIAN : 50 MINIT**

---

**LARANGAN TERHADAP PLAGIARISM (AKTA 174)**

**PELAJAR TIDAK BOLEH MEMPLAGIAT APA-APA IDEA, PENULISAN, DATA ATAU CIPTAAN ORANG LAIN. PLAGIAT ADALAH SALAH SATU PENYELEWENGAN AKADEMIK. SEKIRANYA PELAJAR DIBUKTIKAN MELAKUKAN PLAGIARISM, PENILAIAN BAGI KURSUS BERKENaan AKAN DIMANSUHKAN DAN DIBERI GRED F DENGAN NILAI MATA 0.**

**(RUJUK BUKU ARAHAN-ARAHAN PEPERIKSAAN DAN KAEDAH PENILAIAN (Diploma) EDISI 6, JUN 2019, KLAUSA 17.3)**

**SECTION A : 20 MARKS**  
**BAHAGIAN A : 20 MARKAH****INSTRUCTION:**

This section consists of **TEN (10)** objective questions.

**ARAHAN :**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan objektif.

CLO 2  
C3

1. \_\_\_\_\_ focus only on productivity only and does not take into account social needs or job satisfaction in completing their work.  
*\_\_\_\_\_ hanya fokus pada produktiviti dan tidak mengambil kira keperluan sosial atau kepuasan kerja dalam menyelesaikan pekerjaan mereka.*
- A. Conventional – Classic View of Work  
*Pandangan Kerja Konvensional Klasik*
  - B. Contemporary View of Work  
*Pandangan Kerja Kontemporari*
  - C. Conventional – Hedonistic View of Work  
*Pandangan Kerja Konvensional Hedonistik*
  - D. Human Fulfilment View of Work  
*Pandangan Kerja Kepuasan Manusia*
- CLO 2  
C3
2. Dolla works as a Procurement Officer at Aurat Hijab Sdn. Bhd. All the responsibilities below demonstrate the best way for Dolla to handle the task given to her **EXCEPT**  
*Dolla bekerja sebagai Pegawai Perolehan di Aurat Hijab Sdn. Bhd. Semua tanggungjawab di bawah menunjukkan yang terbaik bagi Dolla menyelesaikan tugas yang diberikan kepadanya **KECUALI***
- A. Obey the law  
*Mematuhi undang-undang*
  - B. Serves faithfully  
*Berkhidmat dengan setia*
  - C. Perform duties solely as per customer request  
*Melaksanakan tugas mengikut permintaan pelanggan semata-mata*
  - D. Accountable for all money or property received  
*Bertanggungjawab terhadap duit dan harta yang diterima*

CLO 2  
C3

3. All the statements below refer to manager responsibilities **EXCEPT**  
*Semua perkara di bawah merujuk kepada tanggungjawab pengurus KECUALI*
- Provide a workplace protocol that covers disease control and prevention of infection transmission according to the standards set by the Ministry of Health Malaysia (MoH).  
*Menyediakan protokol di tempat kerja yang merangkumi kawalan penyakit dan penularan jangkitan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).*
  - Set the action plan to achieve the company's goal.  
*Menetapkan pelan tindakan untuk mencapai matlamat syarikat.*
  - Set work schedule for staff according to their job description.  
*Menyediakan jadual kerja kepada kakitangan mengikut deskripsi tugas mereka.*
  - Organise an annual dinner for its employees.  
*Mengatur majlis makan malam kepada pekerja.*
4. Which of the following situation is related to the conflict of interest?  
*Yang manakah antara berikut situasi yang berkaitan dengan konflik kepentingan?*
- A person working for Xiomi and Oppo at the same time.  
*Seseorang yang bekerja dengan Xiomi dan Oppo pada masa yang sama.*
  - A person works with a Multinational Company (MNC) in Malaysia.  
*Seseorang yang bekerja dengan Syarikat Multinasional di Malaysia.*
  - An individual who works during office hours while doing volunteer works on their days off.  
*Seorang individu yang bekerja dalam waktu kerja pejabat dan juga membuat kerja-kerja kesukarelawanan pada hari cuti mereka.*
  - Proton Sales Advisor selling Tupperware Brands after office hour.  
*Penasihat Jualan Proton menjual Tupperware Brands selepas waktu pejabat.*
5. Which of the following job is suitable for Siti if she decided to work part-time only?  
*Siti telah membuat keputusan untuk bekerja separuh masa sahaja. Manakah antara pekerjaan berikut, sesuai untuk Siti merealisasikan keputusannya?*
- Secretary  
*Setiausaha*
  - Real Estate Agent

*Ejen Hartanah*

- C. Finance Executive  
*Eksekutif Kewangan*
- D. Manager  
*Pengurus*

CLO 2      6. Which of the following are the possible effects of conflict of interest that may occur in an organisation?

*Antara berikut, yang manakah kesan konflik kepentingan yang mungkin berlaku dalam organisasi perniagaan?*

- I. Employee become stress  
*Pekerja tertekan*
  - II. Increase numbers of defect in production operations  
*Meningkatkan kecacatan dalam operasi pengeluaran*
  - III. High employee turnover rate  
*Kadar pusing ganti pekerja yang tinggi*
  - IV. Employees have a strong and *healthy relationship* with their employers  
*Pekerja mempunyai hubungan yang kuat dan sihat dengan majikannya*
- A. I, II and III  
*I, II dan III*
  - B. I, II and IV  
*I, II dan IV*
  - C. I, III and IV  
*I, III dan IV*
  - D. All of the above  
*Semua di atas*

CLO 2      7. Which of the following refers to the abuse of official position?  
*Manakah antara berikut merujuk kepada penyalahgunaan kedudukan rasmi?*

- A. Remuneration received for the performance of an act that is inconsistent with the work contract.  
*Imbuhan yang diterima untuk pelaksanaan tindakan yang tidak sesuai dengan kontrak kerja.*
- B. Illegal payment intended as compensation for preferential treatment.  
*Bayaran secara haram yang bermaksud sebagai pampasan untuk layanan istimewa.*

		C. Use of legislated powers to influence another group. <i>Menggunakan kuasa perundangan untuk mempengaruhi kumpulan lain.</i>
		D. The act of going public with what one has reason to believe to be significantly immoral or illegal acts of an organization. <i>Perbuatan menyebarluaskan sesuatu dengan sebab untuk dipercayai sebagai perbuatan tidak bermoral atau menyalahi undang-undang organisasi.</i>
CLO 2 C3	8.	Which of the following is legal in business operations? <i>Manakah antara berikut sah dalam operasi perniagaan?</i>
	A.	Buying of security based on public information published in newspapers or websites. <i>Pembelian saham berdasarkan maklumat umum yang disiarkan di suratkhabar atau laman sesawang.</i>
	B.	Accepted RM50,000 from a corporation hoping to get a major contract with the government. <i>Menerima RM50,000 daripada syarikat yang berharap mendapat kontrak utama dengan kerajaan.</i>
	C.	Print child documents at the office. <i>Mencetak dokumen anak di pejabat.</i>
	D.	Receive ION Supermarket voucher from a supplier as a token of appreciation. <i>Menerima baucer Pasaraya ION dari pembekal sebagai tanda penghargaan.</i>
CLO 2 C3	9.	<p style="text-align: center;">Vacancy Announcement</p> <p style="text-align: center;"><b>MARKETING EXECUTIVE</b></p> <p>Advertised by : Sogoal Kuala Lumpur    Job Type : Contract    Requirement : </p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Candidate must possess at least Bachelor Degree in Marketing or equivalent.</li> <li>• Able to communicate, read and write in Mandarin</li> <li>• D License is an advantage but not required.</li> <li>• Must possess high analytical skills and decision making skill.</li> </ul>

All Malaysian citizens should be given equal employment opportunities when applying for jobs in the country. Identify ethical issues that arise based on the job advertisement above.

*Semua warganegara Malaysia harus diberi peluang yang sama ketika memohon pekerjaan di negara ini. Kenalpasti masalah etika yang timbul berdasarkan iklan pekerjaan di atas.*

- A. Diversity  
*Kepelbagaian*
- B. Equality  
*Kesamarataan*
- C. Discrimination  
*Diskriminasi*
- D. Preferential treatment  
*Perlakuan istimewa*

- CLO 2                    10. Employee can be a whistle-blower if they have strong evidence that \_\_\_\_\_.  
*Pekerja boleh menjadi pemberi maklumat jika mereka mempunyai bukti yang kukuh bahawa \_\_\_\_\_.*
- A. the company allows employees to work from home during Covid-19 crisis.  
*syarikat membenarkan pekerja bekerja dari rumah semasa krisis Covid-19.*
  - B. the company enforces screening and sanitization of all employees entering the workplace.  
*syarikat menguatkusakan pemeriksaan dan pensanitasi kepada semua pekerja yang memasuki tempat kerja.*
  - C. the company allows a person who has been identified to be Covid-19 positive to work at the office.  
*syarikat membenarkan orang yang dikenalpasti positif Covid-19 bekerja di pejabat.*
  - D. the company allows employees who are not detected with Covid-19 to return to work with strict adherence to the SOP.  
*syarikat membenarkan pekerja yang tidak dijangkiti Covid-19, kembali bekerja dengan mematuhi SOP dengan ketat.*

**SECTION B: 25 MARKS**  
**BAHAGIAN B: 25 MARKAH****INSTRUCTION:**

This section consists of **ONE (1)** essay question. Answer the question.

**ARAHAH:**

*Bahagian ini mengandungi SATU (1) soalan eseai. Jawab semua soalan.*

**QUESTION 1****SOALAN 1**

- CLO 2      (a) Ms. Inaz, a Sales Manager at Cassano IT Berhad managed to secure an online system sales contract amounting to RM5 million. She is confident that she will be promoted to the Senior Sales Manager position due to her success in securing the contract. However, she was very disappointed because the position was given to Ms. Natasya, the nephew of the Director of Sales at Cassano IT Berhad.

Based on the above scenario, show **FIVE (5)** effects of conflict of interest which will be experienced by Ms. Inaz.

[10 marks]

*Cik Inaz, Pengurus Jualan di Cassano IT Berhad berjaya mendapatkan kontrak penjualan sistem di atas talian berjumlah RM5 juta. Dia yakin dia akan dinaikkan jawatan ke peringkat yang lebih tinggi atas kejayaannya mendapatkan kontrak tersebut. Namun, dia sangat kecewa kerana jawatan tersebut diberikan kepada Cik Natasya, yang merupakan anak saudara kepada Pengarah Jualan di syarikat Cassano IT Berhad.*

*Berdasarkan senario di atas, tunjukkan **LIMA (5)** kesan konflik kepentingan yang bakal bakal dialami oleh Cik Inaz.*

[10 markah]

CLO 2  
C3

- (b) Pembinaan Murni Jaya Berhad is internationally renowned for its highly innovative construction products leading to impressive sales achievements. The management always ensures that corporate social responsibility activities are their main agenda in maintaining good relationship between Pembinaan Murni Jaya Berhad and its stakeholders.

Recently, Ms. Zetty, an Audit Officer found out that the manufacturing department dumps hazardous solid waste into rivers around the Petaling district.

Convince Cik Sarah by giving **FIVE (5)** justifications why she should be a whistle-blower for the offenses committed by the company.

[15 marks]

*Pembinaan Murni Jaya Berhad terkenal di peringkat antarabangsa berikutan produk binaannya yang sangat inovatif menjurus kepada pencapaian jualan yang memberangsangkan. Pihak pengurusan pula sentiasa memastikan aktiviti tanggungjawap sosial korporat menjadi agenda utama di dalam menjaga hubungan baik antara Pembinaan Murni Jaya Berhad dengan pihak-pihak berkepentingannya.*

*Baru-baru ini, Cik Zetty, Pegawai Audit mendapat tahu bahawa jabatan pembuatan membuang sisa pepejal yang berbahaya ke dalam sungai-sungai di sekitar negeri Selangor.*

*Yakinkan Cik Sarah dengan memberi **LIMA (5)** justifikasi mengapa dia harus menjadi pemberi maklumat untuk melaporkan kesalahan yang telah dilakukan oleh syarikatnya.*

[15 markah]

### SOALAN TAMAT